

08/11/1997

IMF iktiraf cadangan Malaysia

BERITA menarik yang terkini ialah kegawatan pasaran saham di New York dan di negara Barat. Pasaran itu kemudiannya pulih dan menurut pemimpin seperti Bill Clinton, fenomena itu tidak wajar merunsingkan kerana asas ekonomi negara terbabit adalah kuat. Agak aneh kenyataan itu kerana manakala pasaran saham gawat akibat tekanan spekulator mata wang di rantau ini, mereka menunjuk kepada kelemahan asas ekonomi kita sebagai punca kegawatan itu.

Kini pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar diadakan kawalan terhadap perniagaan mata wang beransur-ansur diterima. Perjuangan meyakinkan negara maju untuk menerima saranan Malaysia seperti yang dilakukan Perdana Menteri terpaksa diteruskan. Bahkan sesetengah negara membangun masih belum dapat dipujuk untuk menyedari sepenuhnya bahaya kepada masa depan negara jika mereka mendedahkan diri kepada ancaman spekulator mata wang tanpa kawalan. Isu yang begitu kompleks sukar difahami negara yang tahap ekonominya masih belum mencapai perkembangan seperti Malaysia atau Thailand dan Indonesia. Tambahan pula keutamaan mereka berbeza dengan masalah yang dihadapi negara seperti Malaysia. Mereka belum mengenali George Soros.

Sehubungan itu, berita menarik akhir-akhir ini ialah mengenai Soros. Menurut agensi asing Soros kerugian kira-kira AS\$2 bilion dalam kegawatan pasaran saham dunia baru-baru ini. Selepas mendapati dirinya tersepit, Soros membuat kenyataan dalam media menyarankan diadakan kawalan terhadap perniagaan mata wang. Cadangannya agak serupa dengan cadangan Dr Mahathir apabila mata wang ringgit dihakis nilainya oleh spekulator seperti Soros kira-kira sebulan lalu. Ketika itu Soros menyifatkan Dr Mahathir 'berbahaya'.

Kecamannya ke atas Dr Mahathir disambut oleh sesetengah kalangan Barat termasuk media mereka yang menyarankan supaya Dr Mahathir berundur daripada jawatannya sebagai Perdana Menteri kerana tidak mampu mengurus ekonomi negaranya. Tetapi Soros kini kuat melontarkan cadangan yang dibuat oleh Dr Mahathir.

"Pada hemat saya, kita harus menimbang apa yang perlu dilakukan," katanya dalam satu temuramah dengan Radio BBC. "Kita kini mempunyai satu ekonomi sejagat yang cirinya ialah memungkinkan pemindahan mata wang secara besar-besaran sedangkan kita tidak mempunyai sesuatu pertubuhan yang berkuasa antarabangsa untuk menguruskan kawalan," katanya.

Ketika ditanya sama ada apa yang diperkatakannya ialah dunia harus dilindungi daripada orang seperti dirinya, Soros berkata: "Jika anda menyifatkan saya melambangkan pasaran wang, saya akur dengan pendapat anda." Dia menekankan pasaran mata wang perlu dikenakan sesuatu kawalan yang lebih teratur. "Untuk mengubah beberapa peraturan yang mengawal kegiatan kami. Itu adalah halal dan diri saya akan memperjuangkan agar ia ditimbang," katanya lagi.

Soros diingatkan oleh wartawan Radio BBC nama beliau terkenal di Britain kerana spekulasinya di pasaran mata wang Britain pada 1992. Dia mengaut keuntungan AS\$1 bilion. Soros terus-terang berkata dia banyak menanggung kerugian dalam kejatuhan pasaran saham New York minggu lalu. Agaknya itulah balasan Tuhan kepadanya, katanya. Ertinya Tuhan membalasnya kerana kerakusannya.

Apa sebenarnya saranan Soros secara terperinci tidak diketahui. Tidak masuk akal Soros hendak mencadangkan sesuatu yang akan merugikannya. Dia

tentu hendak meneruskan kerjayanya sebagai spekulator tetapi barangkali tidak mahu kegiatan tidak terkawal di pasaran saham kelak mengakibatkan seluruh sistem pasaran menjadi hancur hingga dia kehilangan sumber rezeki.

Dia kini menyedari spekulasi mata wang mengakibatkan kegawatan ekonomi negara Asean tidak terbatas di rantau ini saja. Ia menular sebagai wabak ke seluruh dunia hingga mengancam kepentingannya sendiri.

Dr Mahathir ketika mengulas kenyataan Soros, berkata itulah bukti kebenaran pendiriannya dan manipulasi. Tetapi Dr Mahathir berpendapat krisis mata wang belum berakhir. "Kita tidak dapat kembali duit kita, ia belum habis," katanya. "Kalau Soros ada kesedaran, dia sepatutnya berhenti daripada meneruskan kegiatan yang dilakukannya," kata Dr Mahathir.

Beliau menaksir jumlah nilai keseluruhan saham Soros adalah hampir AS\$20 bilion atau RM70 bilion. Taksiran itu berdasarkan kerugian yang ditanggung oleh Soros baru-baru ini adalah satu persepuluh daripada keseluruhan nilai sahamnya. Kerugian Soros menyebabkan Malaysia `lebih miskin'. Rakyat Malaysia yang berjumlah 20 juta kehilangan RM105 bilion, kata Dr Mahathir.

Perkembangan yang barangkali tidak disangka Soros ialah tindak balas kerajaan serta agensi antarabangsa menghadapi kemelut ekonomi akibat kegiatan spekulator seperti beliau. Negara sesama jiran bertindak membantu Indonesia memperlihatkan rasa setiakawan yang mantap di kalangan negara Asean. Malaysia membawa persoalan itu ke forum antarabangsa. Hasil cadangan Malaysia, IMF menyedari pentingnya diwujudkan satu mekanisme mengawal perdagangan mata wang. Malaysia berjaya memujuk agensi antarabangsa dan masyarakat dunia yang masalah itu ialah masalah global. Cadangan Malaysia akan dirujukkan oleh IMF dalam mesyuarat menteri kewangan mengawal perdagangan mata wang .

(END)